


Malaysia buat kapal terbang



Oleh Wan Sabariah Shikh Ali dan Raihanah Abdullah (P)

MELAKA, Jumaat — Perdana Menteri hari ini mengumumkan kerajaan membeli sebuah syarikat pembuat pesawat ringan Australia (seperti gambar atas) sebagai persediaan membuat sendiri pesawat jenis itu dan memperkembangkan industri berkaitan dua tahun lagi.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan melalui sebuah syarikat yang ditubuhkan bersama Petronas membeli syarikat Eagle Aircraft,

sini serta meningkatkan kecekapan kita dan akhirnya mungkin dapat mencipta rekod mengeluarkan pesawat terbang lain.

"Kita tidak mengutamakan operasi membuat kapal terbang tetapi tujuan kita ialah untuk menguasai penggunaan teknologi komposit iaitu pembinaan menggunakan bahan plastik seperti kaca gentian.

"Pesawat yang dibuat menggunakan bahan plastik lebih kuat daripada kapal terbang yang dibuat

dengan nilai RM20 juta. Kerajaan menguasai 50 peratus ekuiti.

Menurutnya, pembelian itu adalah pelaburan jangka panjang dalam bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D) bagi membolehkan kita menguasai teknologi komposit dan teknologi pembinaan pesawat.

"Pembelian itu dibuat dua tahun lalu ketika syarikat itu mengalami masalah kewangan, kita tidak memperkatakannya sebelum ini kerana kerajaan lebih suka membuat pengumuman apabila kita berjaya. Kita tidak suka menaikkan harapan orang kemudian kita gagal," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian kepada pemberita di akhir lawatannya selama dua hari ke Melaka. Beliau dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, bertolak pulang ke Kuala Lumpur kira-kira jam 4 petang ini.

Dr Mahathir berkata, syarikat itu sudahpun mula mengeluarkan pesawat latihan di Australia.

"Kita berharap akan membawa balik operasi ini supaya kita dapat memulakan industri pengeluaran kapal terbang di

dengan aluminium di samping lebih ringan serta mudah dibuat menggunakan tenaga manusia, bukan dengan mesin. Tenaga manusia di Malaysia lebih murah berbanding di Australia," katanya.

Beliau juga berkata, syarikat itu kini mendaftar tempahan mengeluarkan 10 unit pesawat latihan dua tempat duduk dari Australia dan kini menunggu tanda pengiktirafan daripada Kerajaan Australia.

Menurutnya, ketika ini sekumpulan kakitangan termasuk jurutera dan pengurus tempatan dihantar bekerja di syarikat itu di Australia supaya mereka dapat menguasai teknologi berkenaan sebelum dibawa balik.

Perdana Menteri berkata, apabila memulakan operasi di sini, Eagle Aircraft mungkin membuat pesawat yang lebih besar atau reka bentuk lain.

Menurutnya, kerajaan belum menentukan di mana industri pembinaan pesawat terbang itu akan dibina.

Selain itu, katanya, pembelian syarikat itu tidak ada kaitan dengan syarikat penerbangan tempatan.